



## KENYATAAN MEDIA

**YB DATO' XAVIER JAYAKUMAR  
MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI**

### **FORUM BIODIVERSITI UNTUK SEKTOR PERNIAGAAN DAN SWASTA**

**7 JANUARI 2020**

- 
1. YB. Dato' Dr. Xavier Jayakumar, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli telah menyampaikan ucapan dan merasmikan Forum Biodiversiti Untuk Sektor Perniagaan dan Swasta (Biodiversity Forum for Business and Private Sector) yang diadakan buat pertama kalinya pada pagi ini. Forum ini dianjurkan oleh DHI Water & Management (M) Sdn. Bhd. (DHI) dan disokong oleh Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS). YB Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli turut mengadakan sesi dialog dengan *key players* daripada sektor perniagaan dan swasta.
  2. Penganjuran forum ini adalah sejajar dengan matlamat Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2016-2025 (DKBK) bagi menggalakkan penglibatan lebih banyak komuniti perniagaan di negara ini untuk menyokong usaha Kerajaan dalam memulihara biodiversiti, menggalakkan penggunaannya secara mampan dan memastikan perkongsian faedah yang adil dan saksama hasil daripada penggunaannya.

3. Forum yang dihadiri oleh seramai 140 orang peserta termasuk ahli-ahli perniagaan, badan-badan korporat, ahli akademik, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan agensi-agensi kerajaan ini membincangkan peranan dan tanggungjawab yang boleh dilaksanakan oleh sektor perniagaan dan swasta dalam memulihara biodiversiti dan perkhidmatan ekosistem di peringkat negara dan antarabangsa, mengarusperdanakan biodiversiti dalam pelbagai sektor serta menyediakan input bagi Rangka Kerja Biodiversiti Global Pasca-2020 (*Post-2020 Global Biodiversity Framework*).
4. Forum ini turut membincangkan keperluan untuk menubuhkan *Malaysian Platform for Business and Biodiversity* bagi menyokong inisiatif *The Global Partnership for Business and Biodiversity* (GPBB) di bawah Konvensyen Kepelbagaian Biologi (*Convention on Biological Diversity - CBD*). GPBB merupakan jaringan global yang menggalakkan kerjasama dan perkongsian maklumat bagi mengarusperdana biodiversiti dalam sektor perniagaan dan swasta.
5. Encik Mark Alexander Oliver, Pengarah Urusan DHI dalam ucapan aluannya menyatakan bahawa agenda dan komitmen pemuliharaan biodiversiti menjadi keutamaan DHI sejak ditubuhkan dan menyeru supaya sektor perniagaan dan swasta memainkan peranan yang lebih signifikan. Beliau berharap forum ini menjadi asas kukuh kepada penubuhan *Malaysian Platform for Business and Biodiversity* yang akan diterajui sendiri oleh pihak perniagaan dan swasta.

6. YB Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli dalam ucapannya menyatakan bahawa input yang diperoleh daripada program ini akan dibentangkan dalam Persidangan Biodiversiti ASEAN Ke-3 (*3<sup>rd</sup> ASEAN Conference on Biodiversity - ACB2020*) yang akan diadakan di Kuala Lumpur pada 16-20 Mac 2020. Beliau merakamkan penghargaan kepada DHI dan peserta yang menjayakan program ini dan berharap lebih banyak pihak daripada sektor perniagaan dan swasta menjadi rakan kerjasama strategik KATS dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif konservasi biodiversiti negara.

**KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI  
PUTRAJAYA  
7 JANUARI 2020**